



UMS aset penting Sabah

Melahirkan modal insan berilmu pengetahuan luas

Oleh YAP SIONG HAN

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah aset penting kepada Sabah memandangkan institusi itu menjadi pusat pengeluaran modal insan.

Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) Datuk Abidin Madingkir berkata, UMS turut menjadi lokasi tumpuan persidangan tempatan dan antarabangsa.

“Peranan UMS dalam pembangunan modal insan dengan melahirkan graduan yang mempunyai ilmu pengetahuan luas serta mampu mengekalkan jati diri adalah satu kejayaan dalam melahirkan produk berkualiti.

“Ilmu pengetahuan yang



ABIDIN (dua kiri) bertukar skrol dengan Harun.

luas dapat diaplikasikan dalam mendidik dan memberi kesedaran kepada

komuniti dalam pelbagai aktiviti dan secara tidak langsung menjadi contoh

kepada komuniti di luar kampus,” katanya pada Majlis Perarakan Berjubah

Graduan UMS, di sini kelmarin.

Abidin berkata, kunci yang diserahkan kepada para graduan dalam majlis itu juga adalah simbol penting dan pengiktirafan kepada mereka sebagai generasi terdidik dan profesional yang bakal menjadi pemimpin di masa hadapan.

Sementara itu, Naib Cancellor UMS Prof Datuk Dr Harun Abdullah berkata, Konvokesyen UMS kali ke-17 akan berlangsung pada 21 hingga 23 November ini dengan seramai 5,081 pelajar yang berjaya dalam pengajian mereka akan meninggalkan institusi itu.

“Kesemua mereka adalah daripada 65 program akademik yang ditawarkan oleh UMS menerusi 10 fakulti dan bergandingan dengan tiga pusat kecemerlangan



ABIDIN memakaikan ‘kunci bandaraya’ kepada salah seorang graduan sambil diperhatikan oleh Harun (kanan).

penyelidikan serta 14 unit pusat kajian yang telah ditubuhkan.

“UMS sentiasa menggembleng tenaga untuk bergerak ke hadapan demi memartabatkan budaya, seni dan warisan bangsa,” katanya.

Harun turut menasihati

para graduan supaya pandai mencari peluang pekerjaan dan membuat pilihan yang bijak kerana peluang pekerjaan terbentang luas.

Katanya, graduan perlu mengetahui bagaimana mencorak masa depan sendiri dengan membuat keputusan yang bijak.